



## KERAJAAN MALAYSIA

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 23 TAHUN 2013**

#### **PERTUKARAN PELANTIKAN PEGAWAI DALAM SKIM PERKHIDMATAN JUMUD KEPADА SKIM PERKHIDMATAN YANG BERKUAT KUASA**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan jumud ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Perkhidmatan jumud ialah perkhidmatan yang tidak lagi diperlukan (obsolete) berikutan dengan perubahan fungsi perkhidmatan sama ada telah diambil alih oleh perkhidmatan lain, diswastakan, diasingkan saraan atau dialih daya. Walaupun pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk menyelaraskan pegawai dalam skim perkhidmatan jumud ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa, masih terdapat pegawai yang kekal berada dalam perkhidmatan jumud. Bagi meluaskan peluang kemajuan kerjaya kepada pegawai terlibat, kerajaan telah bersetuju supaya pegawai dalam skim perkhidmatan jumud ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa

yang bersesuaian supaya pegawai boleh terus berkhidmat memberi sumbangan kepada perkhidmatan awam.

## **PELAKSANAAN**

3. Urusan pertukaran pelantikan melibatkan pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan jumud yang telah dijumudkan sebelum 1 Januari 2013 (termasuk skim perkhidmatan ad hoc). Pegawai dalam skim perkhidmatan jumud ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa berdasarkan pertimbangan berikut:

- (a) kesesuaian fungsi dan bidang tugas;
- (b) keseragaman skim bagi fungsi yang setanding di pelbagai agensi;
- (c) keperluan agensi; dan
- (d) peluang kemajuan kerjaya.

4. Pelaksanaan pertukaran pelantikan adalah seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di gred 1 hingga 10 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang bersesuaian di gred 11 yang menggunakan syarat lantikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR); dan
- (b) pegawai yang berada di gred 11 dan ke atas akan ditukar lantik ke gred yang setara.

5. Prinsip tiga (3) tahun pengalaman menggantikan satu (1) tahun kelayakan akademik digunakan dalam menyelaraskan pegawai yang berada di gred 1 hingga 10 ke gred 11 (kelayakan Darjah 6 ke PMR).

6. Pegawai dalam skim perkhidmatan jumud yang bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- (a) bersedia dan sanggup untuk menerima tanggungjawab dalam skim perkhidmatan baharu yang ditetapkan; dan
- (b) bersedia dan sanggup untuk menerima mana-mana penempatan yang ditentukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

7. Pegawai dalam skim perkhidmatan jumud yang tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkuat kuasa adalah kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan jumud sedia ada secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

8. Senarai pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan jumud di gred 1 hingga 10 ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di gred 11 adalah seperti di **Lampiran A**. Urusan pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan jumud di gred 17 dan ke atas seperti di **Lampiran B** akan diuruskan secara berasingan.

9. Agensi yang mempunyai pegawai dalam skim perkhidmatan jumud yang tidak tersenarai dalam **Lampiran A** dan **Lampiran B** hendaklah memaklumkan kepada jabatan ini (BPO) dengan mengemukakan maklumat seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D** selewat-lewatnya pada **31 Mac 2014**.

## **PELAKSANAAN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

10. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara KUP bolehlah diwujudkan.

11. Pegawai dalam skim perkhidmatan jumud di gred 1 hingga 10 sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa yang baharu seperti berikut:

- (a) pegawai yang memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di gred 11; atau
  - (b) pegawai yang tidak memiliki PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap sembilan (9) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa di gred 11.
12. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.
13. Pegawai dalam skim perkhidmatan jumud di gred 1 hingga 10 yang **belum memenuhi syarat** pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Gaji pegawai hanya akan diselaraskan ke gaji baharu dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa sehari selepas memenuhi syarat seperti ditetapkan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasian ini direkodkan dalam kenyataan perkhidmatan pegawai.
14. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan jumud dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

15. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan jumud bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

16. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

17. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumudkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan berkuat kuasa yang berkenaan dan sebarang pindaan kepadanya.

18. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

19. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013.

20. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;

- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
  - (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.
21. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.
22. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 20, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.
23. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan jumud sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:
- (a) Surat tawaran dan borang opsyen bagi pegawai di bawah skim perkhidmatan Jawatankuasa Kabinet Gaji (JKK)/Sistem Saraan Baru (SSB) seperti di **Lampiran E** dan **E1**;
  - (b) Surat tawaran dan borang opsyen bagi pegawai di bawah skim perkhidmatan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah memiliki kelayakan atau tempoh perkhidmatan sembilan (9) tahun seperti di **Lampiran F** dan **F1**;
  - (c) Surat tawaran dan borang opsyen bagi pegawai di bawah skim perkhidmatan SSM yang tidak memiliki kelayakan atau tempoh perkhidmatan sembilan (9) tahun seperti di **Lampiran G** dan **G1**; dan
  - (d) Syarat-syarat pertukaran pelantikan seperti di **Lampiran H**.
24. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim

perkhidmatan yang baharu.

**Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi**

25. Pegawai yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke gred jawatan yang lebih tinggi layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

26. Pegawai yang memilih untuk terus ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

27. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

28. Pegawai yang belum memenuhi syarat tempoh genap sembilan (9) tahun perkhidmatan untuk ditukar lantik serta memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal termasuk tempoh sembilan (9) tahun perkhidmatan yang perlu dipenuhi bagi tujuan tukar lantik.

29. Sekiranya pegawai di perenggan 27 dan 28 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

30. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran J**.

**(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

31. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:
- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
  - (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.
32. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam Jadual Gaji Minimum – Maksimum mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

33. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

34. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

35. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

36. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka surat pekeliling perkhidmatan dan surat edaran berikut adalah dibatalkan:

- (a) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2001;
- (b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2001;
- (c) Surat edaran JPA(S)324/1/7-1/SK/(3) bertarikh 7 Februari 1992;
- (d) Surat edaran JPA(S)324/1/7-1/Klt3/(6) bertarikh 25 Mac 1992;
- (e) Surat edaran JPA(S)256/21 Klt.3 Peny. (37) bertarikh 16 Mei 1994; dan
- (f) Surat edaran JPA(S)324/1/7-1 Klt.6 (12) bertarikh 14 Julai 1994.

## **PEMAKAIAN**

37. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SENARAI PERTUKARAN SKIM PERKHIDMATAN JUMUD  
KE SKIM PERKHIDMATAN YANG BERKUAT KUASA**

Bil.	Skim Perkhidmatan Jumud	Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa
<b>Jawatankuasa Kabinet Gaji</b>		
1.	Anak Perahu Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Anak Perahu Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
2.	Apprentis Pelukis Pelan Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Apprentis Pelukis Pelan Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
3.	Atendan Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
4.	Atendan Makmal Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Makmal Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
5.	Atendan Luar Dalam Gred N3	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Luar Dalam Gred N12	Pembantu Operasi Gred N11
6.	Atendan Perpustakaan Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Perpustakaan Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
7.	Atendan Worksyop Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Worksyop Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
8.	Drebar/Operator Wayang Gambar Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Drebar/Operator Wayang Gambar Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
9.	Foreman/Penyelenggara Gred R3	Pembantu Awam Gred H11
	Foreman/Penyelenggara Gred R6	Pembantu Awam Gred H11
10.	Foreman/Mandor Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Foreman/Mandor Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
11.	Juruenjin Laut Gred A11	Pembantu Awam Gred H11
	Juruenjin Laut Gred A14	Pembantu Awam Gred H14
12.	Juruteknik Ukur Rendah Gred J11	Pembantu Operasi Gred N11
	Juruteknik Ukur Rendah Gred J14	Pembantu Operasi Gred N14
13.	Jurutayang Studio Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Jurutayang Studio Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkuat Kuasa</b>
14.	Juruteknik Perancang Bandar Gred J11	Pembantu Operasi Gred N11
	Juruteknik Perancang Bandar Gred J14	Pembantu Operasi Gred N14
15.	Juruteknik Rendah Gred J11	Pembantu Operasi Gred N11
	Juruteknik Rendah Gred J14	Pembantu Operasi Gred N14
16.	Koleter Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Koleter Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
17.	Mandor Gred R9	Pembantu Awam Gred H11
	Mandor Gred R12	Pembantu Awam Gred H11
18.	Mekanik Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Mekanik Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
19.	Operator Mesin Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
20.	Operator Mesin Offset Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Offset Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
21.	Operator Mesin Penyalin Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Penyalin Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Penyalin Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Penyalin Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
22.	Operator Mesin Prosesan Data Gred F11	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Mesin Prosesan Data Gred F14	Pembantu Operasi Gred N14
23.	Operator Telex Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Telex Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
24.	Operator Pam Gred R9	Pembantu Awam Gred H11
	Operator Pam Gred R14	Pembantu Awam Gred H14
25.	Operator Wayang Gambar Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Operator Wayang Gambar Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
26.	Pegawai Kecil Pejabat Tanah Tkt III Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pegawai Kecil Pejabat Tanah Tkt III Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
27.	Pegawai Kerani Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pegawai Kerani Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
28.	Pegawai Petempatan Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pegawai Petempatan Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
29.	Pegawai Rumah Laki-Laki Gred S1	Pembantu Awam Gred H11
	Pegawai Rumah Laki-Laki Gred S4	Pembantu Awam Gred H11
30.	Pelayan Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pelayan Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
31.	Pelayan Asrama Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pelayan Asrama Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
32.	Pelayan Pejabat Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pelayan Pejabat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
33.	Pemandu Enjin Sangkut/Motobot Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pemandu Enjin Sangkut/Motobot Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
	Pemandu Enjin Sangkut/Motobot Gred R3	Pembantu Awam Gred H11
	Pemandu Enjin Sangkut/Motobot Gred R6	Pembantu Awam Gred H11
34.	Pemandu Motor Injin Sangkut Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pemandu Motor Injin Sangkut Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
35.	Pembantu Hidrologi Gred R9	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Hidrologi Gred R12	Pembantu Awam Gred H11
36.	Pembantu Jurugegas Paip Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Jurugegas Paip Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
37.	Pembantu Juruletrik Auto Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Juruletrik Auto Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
38.	Pembantu Kerani (Pembanci) Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Kerani (Pembanci) Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
39.	Pembantu Luar Gred S10	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Luar Gred G11	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Luar Gred G14	Pembantu Awam Gred H14
40.	Pembantu Luar Hal Ehwal Orang Asli Gred S11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Luar Hal Ehwal Orang Asli Gred S14	Pembantu Operasi Gred N14
41.	Pembantu Luar Rendah Gred G1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Luar Rendah Gred G4	Pembantu Awam Gred H11

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
42.	Pembantu Mekanik Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Mekanik Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
43.	Pembantu Menggerudi Gred C11	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Menggerudi Gred C14	Pembantu Awam Gred H14
44.	Pembantu Muzium Rendah Gred S11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Muzium Rendah Gred S14	Pembantu Operasi Gred N14
45.	Pembantu Pemasang/Penyambung Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Pemasang/Penyambung Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
46.	Pembantu Pendaftaran Rendah Gred KP11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Pendaftaran Rendah Gred KP14	Pembantu Operasi Gred N14
47.	Pembantu Penyelidik Rendah Gred Q11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Penyelidik Rendah Gred Q14	Pembantu Operasi Gred N14
48.	Pembantu Percetakan Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Percetakan Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
49.	Pembantu Pertanian Rendah (Penyelidikan) Gred G11	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Pertanian Rendah (Penyelidikan) Gred G14	Pembantu Awam Gred H14
50.	Pembantu Pertanian Rendah Luar Bandar Gred G1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Pertanian Rendah Luar Bandar Gred G4	Pembantu Awam Gred H11
51.	Pembantu Seranta dan Penerbitan Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Seranta dan Penerbitan Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
52.	Pembantu Tukang Kimpal Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Tukang Kimpal Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
53.	Pembantu Tukang Letrik Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Pembantu Tukang Letrik Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
54.	Penarik Rantai Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Penarik Rantai Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
55.	Pencari Fail Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pencari Fail Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
56.	Pencetak Pelan Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Pencetak Pelan Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
57.	Pencuci Gred R10	Pembantu Awam Gred H11
58.	Pengawas Gred J11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pengawas Gred J14	Pembantu Operasi Gred N14
59.	Pengawas Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pengawas Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
60.	Pengawas Istana Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pengawas Istana Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
61.	Penghantar Berita Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penghantar Berita Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
62.	Penghantar Cepat Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penghantar Cepat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
63.	Penjaga Gred R3	Pembantu Awam Gred H11
	Penjaga Gred R6	Pembantu Awam Gred H11
64.	Penjaga Pelan dan Rekod Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Pelan dan Rekod Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
65.	Penjaga Peringkat II Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Peringkat II Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
66.	Penjaga Tkt II Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Tkt II Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
67.	Penjalan Jentera Gred R3	Pembantu Awam Gred H11
	Penjalan Jentera Gred R6	Pembantu Awam Gred H11
68.	Penjilid Buku Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjilid Buku Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
69.	Penolong Dapur Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penolong Dapur Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
70.	Penolong Tukang Gred R1	Pembantu Awam Gred H11
	Penolong Tukang Gred R4	Pembantu Awam Gred H11
71.	Penunggu Pejabat Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penunggu Pejabat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
72.	Penyelia Bangunan Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penyelia Bangunan Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
73.	Supervisor Gred R8	Pembantu Awam Gred H11

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
74.	Tukang Kebun Gred N1	Pembantu Awam Gred H11
	Tukang Kebun Gred N4	Pembantu Awam Gred H11
75.	Tukang Mesin/Penjilid Gred N3	Pembantu Operasi Gred N11
	Tukang Mesin/Penjilid Gred N12	Pembantu Operasi Gred N11
<b>Sistem Saraan Baru</b>		
76.	Amra Gred KP11	Pembantu Operasi Gred N11
	Amra Gred KP14	Pembantu Operasi Gred N14
77.	Atendan Haiwan Gred G1	Pembantu Awam Gred H11
	Atendan Haiwan Gred G4	Pembantu Awam Gred H11
78.	Atendan Letak Kereta Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Letak Kereta Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
	Atendan Letak Kereta Gred N12	Pembantu Operasi Gred N11
79.	Bidan Gred U11	Jururawat Masyarakat Gred U19*
	Bidan Gred U14	Jururawat Masyarakat Gred U19*
80.	Juruproses Filem X-Ray Gred U11	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
	Juruproses Filem X-Ray Gred U14	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
81.	Juruteknik Percetakan Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Juruteknik Percetakan Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
82.	Juruteknik Pertanian Rendah Gred G11	Pembantu Awam Gred H11
	Juruteknik Pertanian Rendah Gred G14	Pembantu Awam Gred H14
83.	Juruteknik Penilaian Rendah Gred W11	Pembantu Operasi Gred N11
	Juruteknik Penilaian Rendah Gred W14	Pembantu Operasi Gred N14
84.	Pelukis Pelan Rendah Gred J11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pelukis Pelan Rendah Gred J14	Pembantu Operasi Gred N14
85.	Pembaca Pruf Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembaca Pruf Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
86.	Pembantu Ekonomi Rumahtangga Rendah Gred S11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Ekonomi Rumahtangga Rendah Gred S14	Pembantu Operasi Gred N14

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
87.	Pembantu Hospital Rendah Gred U11	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
	Pembantu Hospital Rendah Gred U14	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
88.	Pembantu Makmal Rendah Gred C11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Makmal Rendah Gred C14	Pembantu Operasi Gred N14
89.	Pembantu Penguatkuasa Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Penguatkuasa Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
90.	Pembantu Rendah Penerbitan Rancangan Gred B11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pembantu Rendah Penerbitan Rancangan Gred B14	Pembantu Operasi Gred N14
91.	Pembantu Teknologi Makmal Perubatan Gred U11	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
	Pembantu Teknologi Makmal Perubatan Gred U14	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17*
92.	Pemeriksa Filem Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pemeriksa Filem Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
93.	Pemungut Sewa Gred N3	Pembantu Operasi Gred N11
	Pemungut Sewa Gred N12	Pembantu Operasi Gred N11
94.	Pencatit Data Gerudi Gred C11	Pembantu Awam Gred H11
	Pencatit Data Gerudi Gred C14	Pembantu Awam Gred H14
95.	Pencatit Masa Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Pencatit Masa Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
96.	Penjaga Kolam Ikan Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Kolam Ikan Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
97.	Penjaga Pejabat Gred N1	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Pejabat Gred N4	Pembantu Operasi Gred N11
98.	Penjaga Pejabat Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penjaga Pejabat Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
99.	Penimbang Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penimbang Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
100.	Penyelenggara Stor Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penyelenggara Stor Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14

<b>Bil.</b>	<b>Skim Perkhidmatan Jumud</b>	<b>Skim Perkhidmatan Berkua Kuasa</b>
101.	Penyelia Asrama Rendah Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penyelia Asrama Rendah Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
102.	Penyelia/Pengasuh Pelajar Gred N11	Pembantu Operasi Gred N11
	Penyelia/Pengasuh Pelajar Gred N14	Pembantu Operasi Gred N14
